

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 AUGUST 2016

Usaha pastikan Malaysia tidak terperangkap jadi negara pendapatan sederhana

Cabaran terbesar PM

Ulm-17/8/2016

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
dan SOFIAN BAHAROM

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 16 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, di awal pentadbirannya sebagai Perdana Menteri beliau menyedari bahawa usaha untuk menjamin pendapatan negara agar tidak terperangkap dan terus berada pada paras sederhana, adalah cabaran terbesar untuknya.

Perdana Menteri juga sedar dan tahu bahawa perlunya tindakan untuk keluar daripada dasar-dasar lama yang diperkenalkan kepimpinan sebelum ini.

“Cabaran terbesar adalah me-

astikan Malaysia tidak terperangkap menjadi negara berpendapatan sederhana yang dituju sebelum ini. Sehubungan itu, perlunya pemisahan jelas daripada dasar-dasar terdahulu,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Strategi Lautan Biru (ICBOS) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Persidangan tiga hari bertema ‘Transformasi Negara melalui Kreativiti dan Inovasi’ itu memberi tumpuan kepada kreativiti dan inovasi dalam penggubalan serta pelaksanaan dasar dan inisiatif negara.

Beliau berkata, kini, ada pihak yang menafikan perkara itu dan berdegil dengan percaya hanya

pandangan mereka sahaja yang betul tanpa mahu mengakui tentang kejayaan-kejayaan yang telah dibawa melalui perubahan dasar masa kini.

“Ada yang berpura-pura percaya bahawa pendapatan kerajaan mempunyai asas cukai mencukupi tanpa perlu adanya cukai barangan dan perkhidmatan (GST), namun sebenarnya tidak.

“Sebab itu, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita perlu memperkenalkannya (GST) kerana ia adalah terbaik untuk negara.

“Ada segelintir juga yang masih mengatakan kita perlu meneruskan pembinaan infrastruktur yang sia-sia dan terus menghabiskan duit untuk industri yang me-

rugikan,” katanya.

Najib berkata, sekiranya kerajaan masih meneruskan dasar-dasar lama, Malaysia mungkin akan terjerumus dalam ‘lautan merah’.

Sehubungan itu tegas beliau, kerajaan perlu melakukan anjakan paradigma dan mewujudkan model ekonomi baru yang digerakkan oleh ilmu pengetahuan, kreativiti dan inovasi iaitu ‘strategi lautan biru’.

“Ini yang kita mahukan untuk Malaysia dan ia merupakan rancangan saya untuk negara ini pada 2009 sebaik sahaja memegang jawatan Perdana Menteri.

“Dan inilah Program Transformasi Negara (NTP) yang diperkenalkan pada 2010 agar ia dilaksanakan,” katanya.